



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
KENYATAAN MEDIA

**SAMBUTAN DEKAD BAHASA KEBANGSAAN DAN
PENGANUGERAHAN TOKOH AKADEMIK BAHASA MELAYU
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
TAHUN 2022**

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) pada hari ini telah mengadakan Sambutan Dekad Bahasa Kebangsaan dan Penganugerahan Tokoh Akademik Bahasa Melayu, KPT Tahun 2022 dengan tema, **Bahasa Melayu Melestarikan Budaya Keilmuan**. Majlis ini diadakan bagi meraikan kemuncak sambutan dekad bahasa dan mengiktiraf peranan ahli-ahli akademik di Universiti Awam, Politeknik dan Kolej Komuniti dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu.
2. Dekad Bahasa Kebangsaan merupakan antara program tahunan kerajaan yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan kecintaan terhadap bahasa kebangsaan. Pelaksanaan program ini mengambil pendekatan merakyatkan bahasa kebangsaan dan sastera Melayu dengan penglibatan masyarakat pelbagai kaum. Justeru, KPT akan terus menyokong usaha memartabatkan bahasa Melayu dan memastikan semua warga Kementerian terus bersama-sama menyemarakkan penggunaan bahasa kebangsaan ini.

3. KPT juga pada hari ini secara rasminya mengumumkan penerima Anugerah Tokoh Akademik Bahasa Melayu (ATABM), Anugerah Tokoh Harapan Akademik Bahasa Melayu (ATHABM) dan Anugerah Tokoh Bahasa Melayu Sektor Teknikal bagi tahun 2022. Anugerah ini merupakan satu daripada usaha untuk mengiktiraf ahli akademik di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) yang telah memperlihatkan dampak penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.
4. Sejak penganjurannya pada tahun 2012, seramai lapan penerima anugerah telah dinobatkan sebagai Tokoh Akademik Bahasa Melayu. Tokoh-tokoh ini terdiri daripada ahli-ahli akademik di UA dengan pelbagai latar belakang bidang kepakaran. Manakala seramai dua tokoh telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Tokoh Bahasa Melayu Sektor Teknikal yang terdiri daripada pensyarah politeknik dan kolej komuniti.
5. Setelah melalui penilaian yang komprehensif oleh Jawatankuasa Teknikal ATABM, penerima anugerah tokoh bagi setiap kategori untuk tahun 2022 adalah seperti yang berikut:

KATEGORI	PENERIMA	PENCAPAIAN GEMILANG
Anugerah Tokoh Akademik Bahasa Melayu	Prof. Dr. Mohammad Nazri Bin Mohd Jaafar Profesor Fakulti Kejuruteraan Mekanikal Universiti Teknologi	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Tokoh berjaya mengangkat kedudukan dan martabat bahasa Melayu dalam bidang Aeronautik yang mana bidang ini lazimnya bersumberkan bahasa Inggeris. Tambahan pula, bidang aeronautik merupakan bidang yang berkembang pesat di peringkat kebangsaan dan antarabangsa seiring dengan teknologi 4IR dan 5G.

KATEGORI	PENERIMA	PENCAPAIAN GEMILANG
	Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Karya terjemahan Tokoh sejak hampir tiga dekad yang lalu dalam bidang Aeronautik telah menjadi rujukan para siswa dan bacaan masyarakat umum. ▪ Sumbangan dan kejayaan Tokoh dalam menjalankan penyelidikan berkaitan dengan Aeronautik dalam bahasa Melayu merupakan usaha yang perlu dibanggakan oleh negara. ▪ Menghasilkan penerbitan yang berkualiti dan berimpak dalam bentuk buku, karya terjemahan dan makalah jurnal dalam bahasa Melayu. ▪ Dengan latar belakang pendidikan luar negara dalam bidang aeronautik Tokoh ini dengan beraninya memikul tanggungjawab untuk memperkenalkan bidang ini dalam bahasa Melayu. ▪ Tokoh telah mendapat pengiktirafan di peringkat kebangsaan oleh Akademi Sains Malaysia sebagai Top Research Scientist Malaysia (TRSM) pada tahun 2014.
Anugerah Tokoh Harapan Akademik Bahasa Melayu	Prof Madya Dr. Abdul Halim Bin Abdullah Profesor Madya	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Berpengalaman selama sebelas tahun sebagai ahli akademik yang berlatarbelakangkan Pendidikan Matematik. Sebagai ahli tenaga muda, tokoh telah berjaya

KATEGORI	PENERIMA	PENCAPAIAN GEMILANG
	Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Teknologi Malaysia	<p>memacu Pendidikan Matematik ke tahap membanggakan dengan menggunakan bahasa Melayu.</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Kemampuan tokoh harapan dalam meraih geran penyelidikan dan seterusnya menerbitkan buku-buku ilmiah sangat memberangsangkan. ▪ Tokoh juga banyak menulis dalam jurnal-jurnal berimpak dan penulisan popular seperti majalah dan akhbar. ▪ Mendapat pengiktirafan dan sanjungan berasaskan ilmu Pendidikan Matematik malah berjaya membuat perbandingan Pendidikan Matematik antara Malaysia dengan Korea. ▪ Tokoh telah banyak membuat penyeliaan tesis dalam bahasa Melayu bagi graduan sarjana di bawah seliaan beliau.
Anugerah Tokoh Bahasa Melayu Sektor Teknikal	Ts. Dr. Izwah binti Ismail Timbalan Pengarah (Akademik) Politeknik Ungku Omar	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Berpendidikan dalam bidang Kejuruteraan Elektrik, beliau antara penggerak dan penyelidik keperluan program baharu dan penjajaran program sedia ada. Ini adalah untuk memastikan program pengajian yang ditawarkan oleh Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia kekal relevan dan menerapkan penggunaan teknologi semasa.

KATEGORI	PENERIMA	PENCAPAIAN GEMILANG
		<ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="870 310 1466 590">▪ Giat memperkasa dan memartabatkan Bahasa Melayu melalui penyelidikan dan penerbitan dalam bidang pendidikan teknikal dan vokasional. <li data-bbox="870 646 1466 1125">▪ Ketokohan dan kepimpinan beliau amat dikagumi dan menjadi contoh bukan sahaja di peringkat politeknik malah dalam kalangan agensi dan jabatan lain. Beliau pernah meraih Anugerah Setiausaha Kerajaan Negeri Perak pada tahun 2011 dan Naib Johan KIK Politeknik Malaysia pada tahun 2019. <li data-bbox="870 1182 1466 1415">▪ Menerbitkan makalah dalam jurnal dan prosiding berwasit serta kertas kerja teknikal di seminar kebangsaan dan antarabangsa. <li data-bbox="870 1472 1466 1654">▪ Aktif berkolaborasi dengan penyelidik lain bagi menghasilkan buku ilmiah berbahasa Melayu. <li data-bbox="870 1711 1466 1944">▪ Dari segi penglibatan profesional, beliau telah dilantik sebagai panel pemilih biasiswa, dana penyelidikan, panel kesepakaran, fasilitator Profit

KATEGORI	PENERIMA	PENCAPAIAN GEMILANG
		<p>Pengajar TVET TiPS, penilai kertas kerja serta editor bagi jurnal terpilih di dalam dan luar negara.</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Aktif dengan aktiviti bersama komuniti seperti merekacipta robot ringkas bagi tujuan pembelajaran di Tadika Kemas Negeri Perak. ▪ Tokoh ini mempunyai inisiatif berterusan dan hala tuju yang jelas dalam usaha beliau memartabatkan Bahasa Melayu agar dilaksanakan dengan sebaik mungkin supaya lebih berstrategi, berfokus dan realistik

6. Kementerian mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua penerima anugerah dan berharap semoga penganugerahan ini akan memberi semangat kepada semua ahli akademik di Institusi Pendidikan Tinggi Awam untuk terus memartabatkan bahasa Melayu. Kementerian juga berharap agar anugerah ini dapat diteruskan pada tahun 2023 dan tahun-tahun akan datang, seterusnya menjadi pemangkin kepada kelestarian bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
9 DISEMBER 2022